

# NEGARA MAHU ELAK SKANDAL WANG

29 AUG 1991

**KUALA LUMPUR 28**  
**Kogos — Perdana**  
**Menteri, Dato' Sri Dr.**  
**Mahathir Mohamad ber-**  
**harap skandal kewang-**  
**an yang berlaku di ne-**  
**gara - negara maju akan**  
**dapat dielakkan dari-**  
**pada berlaku di sini**  
**dengan semua pihak**  
**mengambil ingatan awal**  
**dan menanamkan nilai -**  
**nilai etika yang baik.**

"Kita tidak mungkin dapat mengelakkan perkara ini sama sekali tetapi kita berharap akan dapat mengelakkan padah yang paling buruk daripada penyakit ini," katanya.

Berucap di majlis makan malam tahunan institusi - institusi kewangan di Hotel Shangri-La malam ini, Dato' Sri Dr. Mahathir mengutarakan tentang apa yang telah berlaku pada skandal BCCI, urusniaga dalaman Ivan Boesky, skandal yang menghancurkan Salomon Brothers, Nomura Securities dan yang paling dekat, skandal BMF.

Beliau menegaskan, jelaslah dalam dunia kewangan, pembangunan ekonomi sering membawa kepada kejatuhan moral.

"Oleh itu saya ingin mengingatkan mereka yang cenderung kepada jenayah ini bahawa hukuman yang akan mereka terima adalah berat jika ter-

tan&an," teys Perdana Menteri.

B&u juga mengingatkan, kerajaan tidak akan merasa takut dengan kejatuhan pasaran saham ataupun pengeluaran wang yang begitu banyak dari bank - bank akibat khabar - khabar angin mengenai siasatan terhadap urusniaga dalaman.

Menurutnya, kerajaan sedar bahawa siasatan terhadap skandal urusniaga dalaman baru-baru ini telah menjejaskan pasaran saham.

Bagaimanapun, tegasnya, tidak ada bukti - bukti yang kukuh mengenai wujudnya perbuatan seumpama itu dalam institusi kewangan negara ini.

## Disiplin

"Jika pasaran saham tidak pulih ia adalah kerana tersebarannya khabar - khabar angin yang telah menjadi satu parasit yang melekat dalam aktiviti politik dan ekonomi negara," ujar Perdana Menteri.

Dalam ucapannya itu, beliau juga menggariskan beberapa peranan penting dan disiplin yang harus dimainkan oleh bank dan institusi kewangan dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Antaranya, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, bank - bank mestilah mengekalkan imej sebagai institusi perkhidmatan keoada rakyat, menunjukk a n kesungguhan untuk membantu menyokong aktiviti - aktiviti yang produktif, lebih canggih serta cekap, inovatif serta kukuh ketika menghadapi tekanan dan kejutan pasaran

# NEGARA MAHU ELAK SKANDAL WANG

Perdana Menteri berkata, golongan kewangan mestilah bercita-cita untuk memperbaiki kualiti hidup yang mengambil berat soal-soal moral.

"Kita telah melihat bagaimana tamadun dunia berkembang dan akhirnya jatuh hanya kerana mereka terlalu dipengaruhi oleh kekayaan, kesenangan dan kekuasaan dan kita tidak boleh jamin pengalaman ini tidak akan berlaku kepada kita tetapi biarlah kita beringat sementara kita sedang menuju kejayaan, biarlah kita kekal nilai-nilai murni dengan berdiri teguh dengan prinsip kita," katanya.

U. 29 AUG 1991  
Beliau juga berkata, negara-negara maju, moral telah tidak diambil kira lagi tetapi sebaliknya wujud ahli politik yang kotor dan korup, ahli pemiagaan dan kewangan yang menipu yang akhirnya membawa kepada pemenuhan.

"Jika itulah yang sedang ditujui oleh kita, kita patut menilai kembali adakah ia wajar dan menguntungkan, malah, kini telah wujud kumpulan-kumpulan yang menentang kepaha pembangunan kerana bimbang akan lahir masyarakat yang tidak percayakan agama dan materialistik," katanya.